

MSM JOHOR LANCAR PENGHANTARAN PUKAL CERAI PERTAMA KE CHINA

KUALA LUMPUR, APRIL 26, 2019 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara dan juga anak syarikat FGV Holdings Berhad (dahulu dikenali sebagai Felda Global Ventures Holdings Berhad), telah melancarkan penghantaran pukal cerai gula bertapis yang pertama melalui MSM Johor, dengan mengeksport sejumlah 7,000 tan gula bertapis ke China.

MSM Johor yang mula beroperasi sepenuhnya sejak November 2018, membuka ruang kepada Kumpulan MSM untuk memenuhi permintaan domestik dan mempertingkatkan jualan eksport pada harga yang kompetitif berdasarkan lokasi strategik yang terletak di Pelabuhan Tanjung Langsat. Ia dijangka akan mengurangkan kos bagi keseluruhan rantaian nilai berikutan kemudahan pelabuhan strategik yang menyumbang kepada penjimatan kos di samping mengurangkan tenaga kerja yang intensif melalui penggunaan teknologi yang canggih dan berfungsi secara automatik sepenuhnya.

Penghantaran pukal cerai dapat mengurangkan kos logistik berikutan ia memerlukan kargo untuk diangkut secara terkumpul seperti di dalam kotak, bungkusan atau palet di mana gula bertapis MSM di angkut di dalam beg jumbo seberat 1.5 tan bagi memudahkan proses pemuatan. Selain itu, penghantaran pukal cerai juga memudahkan kargo untuk memasuki pelabuhan kurang membangun memandangkan kapal kontena yang besar tidak dapat memasuki sesetengah pelabuhan.

Operasi pukal cerai melalui jeti Pelabuhan Tanjung Langsat melibatkan kerjasama di antara MSM Johor dan FGV Transport Services Sdn Bhd, yang juga merupakan anak syarikat FGV, bagi menggunakan sumber kumpulan secara efektif.

MSM mensasarkan untuk mengeksport lebih daripada 300,000 tan gula bertapis dan lain-lain produk berkaitan gula ke rantau Asia Pasifik. Ini sejajar dengan Pelan Perniagaan 2019-2021 yang turut merangkumi pengeksportan ke pasaran Asia sebagai salah satu keutamaan dalam mengekalkan kepimpinan dalam pasaran ke arah menjadi antara 10 syarikat gula terbaik di peringkat dunia menjelang 2020.



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM yang baru dilantik, Dato' Khairil Anuar Aziz berkata, "Penghantaran secara pukal cerai adalah sebahagian daripada model perniagaan baru yang memberikan fokus kepada mengekalkan disiplin kos dan kecekapan operasi dalam aktiviti perniagaan. Ini merangkumi perolehan gula mentah, gudang luar serta kos bagi pengangkutan, penapisan dan kewangan. Kelebihan kilang penapisan yang strategik di Johor serta inisiatif penghantaran pukal cerai tersebut memberikan peluang buat MSM untuk mengeksport gula bertapis pada harga yang sangat kompetitif."

"Dengan kilang penapisan kami di Johor, MSM mempunyai keupayaan untuk memenuhi permintaan dalam negeri dan memperluaskan bahagian pasaran kami di peringkat eksport sambil meneroka aliran pendapatan tambahan," tambah beliau.

Dato' Khairil, yang mula bekhidmat di MSM sebagai sebagai Pengarah Eksekutif sejak November 2017 telah menggantikan Mohd Shaffie Said yang mengambil tugas sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif sejak Januari 2018. Mohd Shaffie kini memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, berkuatkuasa serta-merta.

Dato' Khairil dikenali dengan pegangan nilai yang kukuh telah berkhidmat bersama Kumpulan FGV sejak tahun 2012. Beliau lahir dan dibesarkan di FELDA Sungai Klah, Sungkai, Perak juga merupakan generasi kedua peneroka FELDA. Beliau juga turut memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi FGV bagi sektor gula.

Dato' Khairil membawa bersama pengalaman lebih daripada 25 tahun, memiliki rekod kepimpinan dan perniagaan yang mantap serta kefahaman yang mendalam mengenai lanskap perniagaan pengguna di rantau Asia melalui lantikan kanan dalam pelbagai kesatuan industri. Dato' Khairil turut memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah untuk beberapa syarikat lain seperti Pelaburan Mara Berhad, Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd dan Sinergi Perdana Sdn Bhd.

"Adalah menjadi tanggungjawab yang besar dan perjalanan yang lebih mencabar perlu ditempuhi berikutan industri gula yang dijangka tidak menentu pada tahun 2019, khususnya situasi lambakan gula di peringkat tempatan dan juga antarabangsa. Walaubagaimanapun, MSM kekal optimis dalam prestasinya memandangkan kami sedang merangka semula strategi perniagaan untuk kekal bersaing, memberikan pulangan kewangan dalam perniagaan teras dan merangka pertumbuhan jangka panjang yang menguntungkan." jelas Dato' Khairil.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pagedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari
www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com